

PENUTUP

Kesimpulan

Hasil dari kajian ini, penulis telah membuat beberapa kesimpulan seperti berikut:

1) Syeikh Daud al-Fatani adalah seorang tokoh ulamak Nusantara yang termasyhur pada kurun ke 18M yang berasal dari Patani. Beliau banyak menghasilkan karya dalam pelbagai bidang ilmu. Atas desakan dan keperluan masyarakat Islam yang masih kekurangan bahan rujukan agama dan dibantu dengan suasana ilmu serta sokongan daripada pemerintah, maka Syeikh Daud al-Fatani berjaya menghasilkan lebih 100 buah karya. Ini membuktikan beliau adalah antara ulama yang paling giat menghasilkan karya pada abad ke 18M. Karya-karya beliau yang mencakupi pelbagai bidang ilmu ini dapat membuktikan keluasan ilmu beliau. Namun begitu karya beliau lebih banyak berkisar tentang akidah, fikah dan tasawuf berbanding dengan bidang-bidang yang lain. Hanya sebahagian kecil daripada karya beliau telah bercetak manakala sebahagian besarnya masih lagi dalam bentuk manuskrip. Karya beliau yang paling mendapat sambutan ialah kitab *al-Muṣallī* dan *Īdāh al-Albāb* ini. Pengaruh karya ini sangat luas sehingga ia pernah dicetak di beberapa buah negara. Antara tempat cetakannya ialah Istanbul, Singapura, Jepun, Thailand, Mekah, Mesir dan Pulau Pinang. Bahkan karya ini pernah dijumpai di Afrika Selatan dalam masyarakat Melayu di sana. Selain dari karya dalam bidang fikah, aqiqah dan tasawwuf, Syeikh Daud al-Fatani juga turut menyumbang karya dalam bidang hadith.

2) Kitab *Īdāh al-Albāb* menjadi bukti kepada keilmuan Syeikh Daud al-Fatani. Kupasan dan huraian yang mendalam pada bab nikah dan disusun dengan teratur memudahkan para pelajar mempelajarinya hatta orang awam sekalipun. Kitab ini juga

merupakan kitab yang paling banyak disalin sebelum ia diterbitkan dan antara kitab yang paling banyak digunakan di dunia Melayu untuk pengajaran ilmu fiqh khususnya dalam bab nikah. Ini sekali lagi membuktikan bahawa pengaruh, ketokohan dan keilmuan beliau besar sekali di rantau Nusantara ini.

3) Kitab ini juga adalah satu-satunya karya beliau yang menerangkan fiqh munākahāt dengan lengkap. Walau pun beliau ada menghasilkan kitab-kitab fiqh yang lain yang lebih besar dan mencakupi keseluruhan topik-topik dalam ilmu fiqh, namun huraian dalam bab nikah tidak mendalam seperti mana huraian dalam *Īdāh al-Albāb*.

4) Pada penelitian penulis, perbincangan kitab ini adalah berdasarkan mazhab al-Shāfi'i. Ini kerana Syeikh Daud mengambil pandangan-pandangan daripada fuqaha Shāfi'i seperti Imām al-Nawawi, al-Anṣārī, Imām Ramlī, Ibn Ḥajar dan Muḥammad ibn Aḥmad. Oleh kerana rantau Nusantara ini berpegang kepada mazhab Shāfi'i, maka tidak hairanlah kitab *Īdāh al-albāb* ini mendapat tempat di kalangan masyarakat Melayu di rantau ini. Ini kerana segala amalan perkahwinan terutama fiqh munākahāt yang dilakukan oleh masyarakat Melayu adalah berdasarkan mazhab Shāfi'i.

Cadangan

Untuk mengakhiri kajian ini beberapa cadangan diutarakan kepada pihak-pihak tertentu terutamanya kepada institusi pengajian tinggi, pelajar-pelajar sarjana dan syarikat percetakan dan penerbitan:

1) Institusi-institusi pengajian tinggi seharusnya memberi galakan kepada para pelajarnya agar membuat lebih banyak kajian dan penyelidikan tentang tokoh, terutamanya tokoh yang banyak menyumbangkan jasanya dalam karya-karya yang

bermanfaat. Terdapat ramai lagi tokoh-tokoh yang masih tidak dikenali oleh kebanyakan masyarakat masa kini.

2) Syarikat penerbitan dan percetakan juga harus memainkan peranannya untuk mencetak kembali karya-karya yang pernah diterbitkan dengan disesuaikan dengan kehendak dan cita rasa masa kini. Sama ada dibuat suntingan bahasa atau diubah ejaannya kepada rumi supaya ianya lebih menarik dan boleh difahami oleh generasi masa kini. Usaha sebegini akan dapat membantu tersebarnyanya semula khazanah ilmu dan warisan ulama silam kita yang mengorbankan jiwa raga, masa dan pemikiran untuk manfaat generasi yang terkemudian.

3) Saranan juga dikemukakan kepada para pelajar sarjana supaya usaha mengkaji karya *Īdāh al-Albāb* ini disambung hingga lengkap agar ia mudah dibaca dan dimanfaatkan oleh generasi akan datang. Pada penelitian penulis, amalan fiqh munākahāt yang dilakukan oleh masyarakat awam masih belum menepati kehendak apa yang diketengahkan oleh Syeikh Daud dalam kitab *Īdāh al-Albāb* ini. Bermula dari persedian sebelum kahwin, perkara-perkara yang menjadi wajib atau rukun dalam perkahwinan, sunat-sunat, ciri kesempurnaan dalam perkahwinan sehingga kepada perkara-perkara selepas perkahwinan masih banyak lagi yang belum diamalkan oleh masyarakat awam. Walaupun perkahwinan mesti diasaskan kepada rukun-rukunnya tetapi urusan sebelum perkahwinan seperti pemilihan jodoh, kesesuaian pasangan, peminangan dan pertunangan adalah perlu bagi mencapai serta memperolehi nilai keharmonian rumahtangga dan hidup bermasyarakat yang bertamaddun dan cemerlang.

Berdasarkan kepada faktor di atas, wajarlah risalah ini diberi nafas baru dan diketengahkan semula dengan versi baru agar hasrat dan tujuan pengarangnya dapat diteruskan demi mencapai keredhaan Allah . Sekalung al-Fātiḥah buat roh al-Marḥūm

al-‘Ālim al-‘Allāmah al-Rabbānī al-Syeikh Daud bin ‘Abdullāh al-Fatani. Semoga rohnya dicucuri rahmat Allāh S.W.T dan ditempatkan dikalangan para *auliyā’* dan *syuhadā’*.

Āmin ya Rab al-Ālamīn.